

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN

BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]

TARIKH : 18 JULAI 2018 (RABU)

SOALAN :

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN

MASYARAKAT menyatakan berkenaan pelaksanaan caruman KWSP

untuk isteri atau wanita.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIE ANAK MONGIN

[PUNCAK BORNEO]

TARIKH : 24 JULAI 2018 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan secara terperinci mekanisme pelaksanaan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada suri rumah serta halangan-halangan yang menjejaskan pelaksanaan skim ini.

JAWAPAN: YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL, TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab soalan daripada YB Kuala Nerus ini bersekali dengan pertanyaan YB Puncak Borneo pada 24 Julai 2018 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait.

Wanita adalah golongan rentan atau dengan izin *vulnerable* dan terdedah kepada risiko kerana hanya 45.4 peratus wanita tidak berada di dalam pasaran buruh. Suri rumah adalah golongan yang paling terdedah kepada kesusahan apabila terdapat perubahan mengejut dalam situasi rumah tangga seperti kematian suami, suami hilang upaya, perceraian atau sekiranya terdapat ahli keluarga yang tidak bertanggungjawab dan menimbulkan konflik.

Dalam usaha memastikan keselamatan sosial wanita terjamin, Kerajaan komited menyediakan beberapa inisiatif antaranya memperkenalkan skim caruman untuk suri rumah. Beberapa siri mesyuarat dan perbincangan

telah diadakan bagi meneliti mekanisme pelaksanaan skim caruman KWSP untuk suri rumah antaranya, saya telah mempengerusikan Mesyuarat Berkenaan Cadangan Perluasan Perlindungan Sosial Kepada Suri Rumah bersama Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kewangan, KWSP dan PERKESO pada 31 Mei 2018. Saya juga telah mempengerusikan Bengkel Mekanisme Pelaksanaan Caruman KWSP Untuk Suri Rumah Fasa Pertama yang telah diadakan pada 28 Jun 2018. Inisiatif khusus untuk kaum wanita ini diwujudkan bagi memperkasa hak wanita dan melindungi suri rumah dan ahli keluarga yang lain.

Cadangan asal skim ini melibatkan simpanan kepada suri rumah melalui sumbangan caruman pekerja (suami) pada kadar 2 peratus dan sumbangan Kerajaan sebanyak RM50.00 sebulan. Caruman ini pada dasarnya merupakan satu bentuk galakan kepada kaum lelaki untuk memikul tanggungjawab dan menunjukkan komitmen menabung untuk simpanan sebagai persediaan perlindungan masa depan untuk isteri dan anak-anak. Caruman berstruktur ini dijangka dapat menjadi tabungan bagi mempersiapkan suri rumah menghadapi kemungkinan yang tidak diingini untuk meneruskan kelangsungan hidup pada masa hadapan.

Bagi memenuhi iltizam Kerajaan kepada rakyat, skim KWSP untuk suri rumah tetap akan dilaksanakan dalam tempoh 100 hari pentadbiran Kerajaan. Pelaksanaan skim ini dicadangkan untuk dilaksanakan secara berfasa seperti berikut:

- (i) Fasa Pertama: Caruman secara sukarela;**
- (ii) Fasa Kedua: Caruman secara sukarela dengan perluasan liputan perlindungan sosial oleh PERKESO melalui pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4]; dan**
- (iii) Fasa Ketiga: Caruman wajib setelah pindaan kepada Akta KWSP 1991 [Akta 452] selesai.**

Pelaksanaan skim ini akan memberi manfaat kepada suri rumah bukan sahaja berbentuk simpanan untuk masa depan malahan akan menerima manfaat perlindungan sosial di bawah PERKESO. Bagi pelaksanaan fasa pertama skim ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sedang menyediakan Memorandum Jemaah Menteri yang dijangka akan dibentangkan semasa Mesyuarat Jemaah Menteri akan datang.

Fasa kedua dan ketiga skim ini dijangka memerlukan tempoh masa yang lebih panjang untuk dilaksanakan memandangkan pelaksanaan caruman wajib dan liputan perlindungan keselamatan sosial oleh PERKESO memerlukan pindaan kepada Akta, Dasar dan Peraturan sedia ada di bawah KWSP dan PERKESO yang mana masing-masing adalah di bawah bidang kuasa **Kementerian Kewangan** dan **Kementerian Tenaga Manusia**.